



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	KEMENTERIAN PERTANIAN TELITI TUBUH BADAN KHUSUS TINGKATKAN INDUSTRI DURIAN, SUARA KEADILAN -ONLINE KPKM MUDAHKAN PROSEDUR HASILKAN BENIH PADI HIBRID, BERNAMA -ONLINE TIADA DANA KHAS UNTUK PEKEBUN DURIAN, BH -ONLINE GEGAR SABAH! PROGRAM JELAJAH DAPAT TARIK LEBIH RAMAI PENGUNJUNG KE MAHA 2024, MSTAR -ONLINE DEWAN RAKYAT: KERAJAAN BINCANG BANGUNKAN BADAN INDUSTRI DURIAN, KOSMO -ONLINE KPKM PERLU PANTAU PEKEBUN GUNA RACUN BERBAHAYA, NEGARA, KOSMO -14 ADA PROSEDUR DAFTAR RACUN, NASIONAL, SH -20 TELITI BANTUAN, KAEDAH PERALIHAN TANAM DURIAN BERNILAI TINGGI, NASIONAL, SH -6 NATION TARGETS 40% AQUACULTURE PRODUCTION BY 2030, NATIONAL, THE SUN -4 'PROPOSAL NEEDS FURTHER SCRUTINY', NATION, NST -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
11. 12. 13.	SASAR LEPAS 500,000 BENIH IKAN AIR TAWAR, TIMUR, HARAKAH -17 NELAYAN ASING BERMAHARAJALELA DI PERAIRAN PANTAI TIMUR, DALAM NEGERI, UM -9 EAIC SIASAT JABATAN PERIKANAN, DALAM NEGERI, UM 1 & 2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	AGROBANK CATAT PENINGKATAN PELANGGAN, BISNES, HM -23	AGROBANK
15. 16. 17. 18. 19.	DURIAN KAMPUNG GAJAH WANGI, DIGEMARI RAMAI, DALAM NEGERI, UM -30 PERAK MAHU DURIAN KAMPUNG TERGOLONG KATEGORI PREMIUM, DALAM NEGERI, UM -30 QUEST FOR DURIAN DOMINANCE, MUKA DEPAN, THE STAR -1 TANGKAK DURIAN HUB TO BE UPGRADED, NEWS, THE STAR -2 MALAYSIA'S HARVESTING METHOD LURING CUSTOMERS NEAR AND FAR, NEWS, THE STAR -2 & 3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	SUARA KEADILAN	ONLINE	

Kementerian Pertanian teliti tubuh badan khusus tingkatkan industri durian



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan membincangkan cadangan penubuhan badan khusus bagi

membangunkan industri durian tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penubuhan badan seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan dibuat selepas melihat

permintaan tinggi hasil tani itu di pasaran antarabangsa, terutamanya dari negara China.

"Sebab itu nak tubuhkan board atau tidak itu cadangan yang baik. Kita akan bincang peringkat kementerian termasuk Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan sebagainya.

"New York Times telah pun buat satu ramalan baharu bahawa durian merupakan tumbuhan ekonomi baru bagi Malaysia, dengan termeterainya perjanjian selepas kita tandatangan General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC) dengan KPKM baru-baru ini," katanya ketika waktu-waktu pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) sama ada kerajaan akan menubuhkan sebuah badan seperti MPOB tetapi untuk pembangunan industri durian di negara ini.

Jelasnya, bermula dari tahun 2021 sehingga Jun lalu sebanyak 79,130 anak pokok durian musang king dan 18,707 anak pokok durian duri hitam telah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian dengan harga pasaran antara RM35 hingga RM50 sepokok.

Selain itu, Menteriannya turut mewujudkan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) bagi memastikan pengeluaran bahan tanaman durian tulen dan berkualiti dengan menugaskan Pegawai Pemeriksa untuk memperakukan anak benih klon yang memenuhi standard ditetapkan.

taip untuk carian

SEBENARNYA.MY
Tidak Pasti Jangan Kongsi**BUKAN SEMUANYA BENAR DI INTERNET !**
TIDAK PASTI, JANGAN KONGSI
Layari *sebenarnya.my* untuk mengesahkan kesahihan maklumat.

AM > BERITA

KPKM MUDAHKAN PROSEDUR HASILKAN BENIH PADI HIBRID

🕒 17/07/2024 06:07 PM



Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup hadir pada Majlis Penyerahan Bantuan Geran Usahawan MADA di perkarangan PPK MADA f-1v Sungai Limau dekat sini.

YAN, 17 Julai (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memudahkan urusan dan prosedur bagi memastikan penghasilan varieti benih padi hibrid dapat dilaksanakan dengan segera untuk membantu meningkatkan hasil tanaman itu.

Timbalan Menterinya, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata kementerian sentiasa mencari kaedah untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran hasil padi dan beras selaras dengan Dasar Agromakanan Negara dan sasaran kadar sara diri beras 80 peratus menjelang 2030.

"Kita akan adakan satu perbincangan bersama sebuah syarikat, Koyan Utama Sdn Bhd (KUSB), agensi dan jabatan di bawah KPKM serta pihak penyelidik dari China hujung bulan ini bagi memperkenalkan benih padi hibrid baru untuk meningkatkan musim penanaman padi empat kali setahun.





"Bergantung kepada perbincangan itu, kita akan lihat langkah seterusnya...tetapi kita mahu jadikan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebagai perintis bagi projek ini kerana Kedah merupakan negeri Jelapang Padi, jadi sesuai kita memilih MADA untuk plot ujian projek itu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau menyampaikan bantuan geran berjumlah lebih RM1.1 juta kepada 61 usahawan bimbingan MADA yang dipilih menerusi tiga skop iaitu Program Geran Pemadanan Change Upgrade Product (CUP), Program Geran Agropreneur Muda (GAM) serta Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan.

Sebelum ini, Pengerusi KUSB Dr Ammar Hassan berkata syarikatnya bersama sebuah syarikat dari China akan memulakan projek perintis penanaman padi hibrid empat kali setahun di Perlis dan Kedah dalam tempoh terdekat.



Beliau berkata berdasarkan kajian, pelaksanaan projek berkenaan dilihat mampu menghasilkan padi antara lapan hingga 10 tan sehektar seterusnya meningkatkan keluaran padi dalam negara selain dapat menambah pendapatan pesawah.

Sementara itu, ditanya mengenai penggunaan racun tidak berdaftar oleh segelintir petani dan pekebun, Arthur berkata pemantauan dan penguatkuasaan oleh Jabatan Pertanian sentiasa dilakukan kerana penggunaan racun terhadap bahan makanan melibatkan keselamatan pengguna.

"Kementerian juga memainkan peranan kerana ini melibatkan keterjaminan makanan, kita mahu pastikan semua barangan makanan itu selamat untuk pengguna...sekiranya ada pihak yang melanggar peraturan atau undang-undang berkaitan keselamatan pengguna, mereka boleh dikenakan tindakan.

"...untuk racun ini, ada prosedur untuk pendaftaran racun berkenaan yang mana ia perlu melalui kajian dalam makmal, kajian keselamatan dan sebagainya, hanya racun yang diiktiraf selamat sahaja yang akan diberikan sijil dan kelulusan untuk penggunaannya," katanya.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),

[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

kpk

benih

padi

hibrid

mada

BERITA BERKAITAN



ANUGERAH DESA KEDA MADANI PERKASA PENEMPATAN DESA KEDA

🕒 13jam lalu



**KARNIVAL JUALAN AGRO MADANI
MEGA PERLIS CATAT NILAI JUALAN
LEBIH RM920,000**

🕒 13jam lalu



**PERUNDANGAN BAHARU
DIPERKENAL KAWAL SELIA BADAN
BERKANUN PERSEKUTUAN -
PEJABAT PM**

🕒 15jam lalu

LAGI BERITA



**KEPUTUSAN KEKALKAN KERUSI 6
BEKAS MP BERSATU TIDAK PELIK,
GAMBARAN DEMOKRASI
BERPARLIMEN**

🕒 8jam lalu




**PERNIAGAAN THAI, PIHAK
BERKEPENTINGAN DIGESA SERTA
SIDANG KEMUNCAK MALAYSIA-
CHINA 2024**

🕒 9jam lalu



**OPERASI PENERBANGAN THAI
AIRASIA X BERPINDAH KE LAPANGAN
TERBANG DON MUEANG MULAI 1 OKT
2024**

🕒 9jam lalu



BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

☎ [klik di sini]
✉ [helpdesk\[at\]bernama.com](mailto:helpdesk[at]bernama.com)



- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Sukan
- Politik
- Fokus BERNAMA
- Dunia
- Tinta Minda
- Infografik
- Video
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

- HAWANA 2024
- Piala Thomas & Uber 2024
- Belanjawan 2024
- Kesihatan
- Tenaga
- MAPO

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Perkhidmatan BERNAMA
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Tiada dana khas untuk pekebun durian



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan tidak menyediakan peruntukan khusus kepada pekebun durian, berikutan buah itu bukan keperluan asas rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, meskipun hasil tanamannya diakui memberi pulangan lumayan dan mendapat permintaan eksport tinggi, tetapi durian satu sumber perniagaan dan bukan keperluan.

"Ia berbeza kedudukan hasil seperti beras, daging, telur, ikan, minyak masak dan lain-lain yang kerajaan peruntukkan jumlah subsidi yang besar untuk menampung keperluan seluruh rakyat.

"Memang diakui durian mendapatkan permintaan tinggi untuk dieksport secara segar ke China dan kementerian mempunyai banyak agensi yang membantu menggalakkan peningkatan ekonomi, tetapi kita kena lihat keperluannya secara menyeluruh.

"Ia kerana jika keperluan tidak mencukupi, pasti terjejas kehidupan. Namun jika tiada durian, ia tidak berapa menjejaskan," katanya.

Sebelum itu, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (PN-Bukit Gantang) mencadangkan kementerian itu menyediakan dana RM20 juta sebagai pinjaman mudah kepada pekebun durian.

Katanya, pinjaman kadar rendah itu membolehkan pekebun menukarkan penanaman durian tempatan kepada Musang King dan varieti lain yang memberi pulangan berganda daripada jumlah peruntukan diberikan.

Mohamad menjelaskan, cadangan itu boleh dipertimbang kerana industri durian dijangka menjadi ledakan pertumbuhan ekonomi yang baharu.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyokong usaha ahli-ahli Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) iaitu petani persendirian yang berkecimpung dalam tanaman durian dengan melaksanakan Program Pemerkasaan Usahawan Peladang (Rise-UP) LPP.

"Ia berdasarkan peruntukan yang disalurkan oleh kementerian dalam bentuk geran pamadanan, iaitu sejumlah peruntukan akan disediakan kerajaan, manakala bakinya daripada komitmen usahawan peladang yang dibiayai secara 70 peratus geran kerajaan dan 30 peratus komitmen usahawan.

"Selain itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga menandatangani Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China," katanya.

Beliau berkata, protokol dimeterai semasa lawatan rasmi Perdana Menteri China, Premier Li Qiang ke negara ini bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 Hubungan Diplomatik Malaysia-China.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	MSTAR	ONLINE	

Gegar Sabah! Program jelajah dapat tarik lebih ramai pengunjung ke MAHA 2024



Mohamad (tengah, berdiri) bersama Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar (berdiri, tujuh dari kiri) sempena jelajah MAHA 2024 di Sabah.

DARI Kota Kinabalu ke Sandakan, penduduk Sabah di negeri ini berpeluang menyaksikan pratonton acara pertanian, hortikultur dan agro pelancongan terbesar di Asia Tenggara menerusi jelajah Road to MAHA@Sabah.

Bertujuan untuk mempromosikan penganjuran ke-100 Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, acara ini bakal menarik tiga juta pengunjung ke Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, Selangor dari 11 hingga 22 September ini.

"Tahun ini menandakan satu abad sejak permulaan acara penting ini, yang berkembang menjadi salah satu pameran pertanian terbesar dan paling berpengaruh di rantau Asia Tenggara," katanya.

Selain memfokuskan peserta tempatan, selaras dengan temanya, MAHA 2024 Go Global, penyertaan yang lebih besar dijangkakan dari negara-negara asing yang berkongsi kepakaran dan teknologi dalam bidang ini.

Mohamad berkata, Sabah dimasukkan dalam jadual lawatan mereka, bagi mengiktiraf peranan penting negeri dalam bidang pertanian dan agro pelancongan.

Jelajah sejauh 70 kilometer (km) timur laut dari ibu negeri Sabah, Kota Kinabalu, Mohamad melihat potensi menjanjikan Kota Belud untuk penanaman padi. Beliau mendapati terdapat peralihan di daerah itu dari amalan pertanian tradisional ke pertanian pintar, dan mencerminkan kemajuan yang boleh dilihat di Semenanjung Malaysia.

"Dengan menambah baik teknik dalam penanaman padi dan meningkatkan kualiti benih, matlamat kami adalah untuk mencapai hasil sekurang-kurangnya 10 tan sehektar dalam masa terdekat, satu penanda aras yang sudah dicapai di bahagian Semenanjung Malaysia," katanya.

Mohamad menambah, walaupun Program SMART SBB Ala Sekinchan di Kota Belud berjaya meningkatkan hasil dari dua tan kepada empat tan, sasaran adalah mencapai 10 tan, membolehkan Sabah menghasilkan 60 peratus keperluan padinya. Namun, beliau optimis

mendapatkan dana tambahan untuk menambahbaik sistem pengairan bagi kawasan jelapang padi Sabah di Kota Belud.

"Pada masa ini, padi di sini ditanam dua kali setahun menggunakan benih padi tempatan, berbanding tiga hingga empat kali di luar negara. Pemantauan berterusan oleh pegawai berdedikasi akan memastikan kejayaan inisiatif ini, sekali gus meningkatkan pengeluaran padi," katanya.



Mohamad ketika berucap pada Majlis Peluncuran MAHA 2024 di MAEPS pada 10 Jun lalu.

Jelajah diteruskan ke Desa Dairy Farm di kaki Gunung Kinabalu, dengan pemandangan padang ragutnya yang subur. Dikenali kerana pengeluaran susunya, ladang ini menempatkan lembu baka Holstein-Friesian yang terkenal dengan hasil susu mereka yang

luar biasa. Desa Dairy Farm juga berperanan sebagai destinasi pelancongan dan pusat pendidikan yang popular, dengan menarik kira-kira 70,000 pengunjung sebulan.

Tarikan di sini adalah peluang untuk merasai dan membeli produk tenusu segar seperti susu pasteur, yogurt dan keju, yang mana semuanya terkenal dengan kualiti dan kesegarannya.

Di Kundasang pula, peruntukan sebanyak RM2 juta telah diluluskan oleh Mohamad untuk pengembangan plot 100 hektar di Sook, Keningau, yang didedikasikan untuk penanaman jagung hijau bagi makanan haiwan.

"Kerjasama yang melibatkan Desa Cattle, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Nabawan bertujuan untuk meningkatkan penanaman jagung hijau menjelang 2024."

Terdahulu tahun ini, keutamaan diberikan untuk pelbagai sektor pertanian, dengan tumpuan pada pembiayaan dan sokongan teknikal.

"Jagung memainkan peranan penting kerana ia adalah makanan haiwan yang penting," kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali.

Beliau memberi penekanan pada model perniagaan yang menjanjikan untuk memastikan keterjaminan makanan negara. Seterusnya, Mohamad melawat Telupid, kira-kira 90km dari Kundasang, di mana beliau meninjau pasar tamu yang diwujudkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), setahun lalu.

"Pasar tamu ini adalah salah satu daripada enam yang ditambah baik oleh Fama, termasuk lima lagi di Sook, Keningau; Tomborongus di Kudat; Kunak; Beluran; dan Tuaran.

"Penambahbaikan ini bertujuan untuk membolehkan peladang luar bandar menjual produk mereka terus kepada pengguna. Usaha kerjasama oleh Fama serta kerajaan negeri dan persekutuan seperti ini adalah penting untuk pembangunan berterusan di Sabah, terutama dalam infrastruktur," katanya.

Seorang peladang dari Kampung Ulu Barason-Wonod, Laimah Limbas mengucapkan terima kasih kepada Fama atas pembinaan pasar tamu berbumbung, dengan memberitahu, "Saya kini mempunyai tempat khusus untuk menjual produk buah-buahan tempatan."

Sementara itu, Supiah Piloh turut bersetuju dengan berkata, "Kami bukan hanya mempunyai tempat berlindung, tetapi ia juga dilengkapi dengan kipas."

Program jelajah selama empat hari berakhir dengan acara di Sandakan. Di sini, tumpuan adalah untuk memperbaiki kehidupan nelayan melalui kerjasama antara pihak berkuasa negeri dan persekutuan. Menerusi kerjasama itu, sebanyak RM21.1 juta diagihkan sebagai elaun sara hidup kepada 7,502 nelayan di seluruh negeri.

Mohamad menekankan bahawa RM450,000 diperuntukkan kepada 30 nelayan di Sabah bagi meningkatkan kapasiti nelayan B40, dan meningkatkan taraf hidup serta kemahiran mereka. Pelbagai bentuk bantuan juga disediakan kepada kumpulan nelayan di Sabah.

Beliau juga menekankan peruntukan RM1 juta untuk projek khas perumahan nelayan yang melibatkan 60 rumah nelayan di Sabah dengan meningkatkan taraf hidup mereka. Mohamad menegaskan bahawa kerajaan meneruskan skim subsidi diesel dan petrol untuk nelayan, dengan kuota bulanan bersubsidi sebanyak 70 juta liter.

"Inisiatif ini memperlihatkan komitmen kerajaan untuk meringankan beban nelayan di samping berusaha meningkatkan kedudukan ekonomi mereka," katanya.

Selain itu, Asmadi Jaffar dari bandar Sandakan menzahirkan ucapan terima kasih di atas elaun sara hidup sebanyak RM300, yang membantu mengurangkan beban kewangannya.

"Bantuan ini merupakan satu kelegaan, terutamanya memberi sokongan buat isteri dan seorang anak berusia empat tahun," katanya.

Satu lagi program jelajah MAHA 2024 di Johor dirancang dan akan diperluas pada skala yang lebih besar di Lembah Klang, Selangor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	KOSMO	ONLINE	

Dewan Rakyat: Kerajaan bincang bangunkan badan industri durian



KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan membincangkan cadangan penubuhan sebuah badan khusus bagi membangunkan industri durian di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penubuhan badan seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) tetapi yang bertanggungjawab untuk pembangunan durian tersebut adalah amat baik.

“Kita akan bincang dengan Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan sebagainya sebab The New York Times turut membuat ramalan bahawa durian satu pertumbuhan ekonomi baharu buat Malaysia.

“Ia selepas termeterainya perjanjian dengan Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GACC) baru-baru ini,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) sama ada kerajaan akan menubuhkan sebuah badan seperti MPOB tetapi untuk pembangunan industri durian di negara ini.

Terdahulu, Mohamad berkata, industri durian tidak sama seperti beras, daging, ikan, telur dan minyak masak yang menerima banyak subsidi kerajaan untuk mengekalkan harga yang setimpal.

“Beras, daging, ikan, telur, minyak masak ini keperluan. Tiada bahan-bahan ini kehidupan rakyat terjejas. Kalau tiada durian tidaklah berapa terjejas.

“Bagaimanapun ia adalah satu perniagaan maka kita ‘tackle’ (isu durian) sebagai sumber perniagaan, bukan seperti kedudukan beras, telur, ayam dan sebagainya,” katanya.

Beliau menjawab soalan asal oleh Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (PN-Bukit Gantang) mengenai usaha dan langkah kerajaan dalam menggalakkan pengeluaran durian musang king, duri hitam yang mempunyai nilai yang tinggi untuk pasaran antarabangsa.

“Berhubung pelancongan durian pula memang sudah ada. Pelancong di Pulau Pinang akan ke Balik Pulau untuk makan durian. Bukit Bintang banyak pelancong datang ke pusat jualan durian. Kebanyakan pelancong China.

“Bagi mereka harga tak jadi masalah. Kita tahu China dah 1,400 juta penduduk. Kalau 10 peratus saja nak makan durian, barangkali durian di Malaysia, Vietnam dan Thailand tak mencukupi,” kata Mohamad.

Terdahulu, beliau berkata, bermula tahun 2021 sehingga Jun 2024, sebanyak 79,130 anak pokok durian musang king dan 18,707 anak pokok durian duri hitam telah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian.

Sehingga tahun 2024, seluas 4,775 hektar ladang durian telah didaftarkan di bawah pensijilan myGAP melibatkan seramai 1,231 orang petani dan sebanyak 50 fasiliti pemprosesan durian telah diakreditasi bagi tujuan eksport.

“KPKM telah menandatangani Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China ada 19 Jun 2024. Dengan termeterainya Protokol tersebut, membolehkan buah durian segar di eksport ke China,” katanya. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	KOSMO	NEGARA	14

Pastikan penggunaannya tidak gugat keselamatan manusia

KPKM perlu pantau pekebun guna racun berbahaya

Oleh JAMLIH ABDULLAH

YAN - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengarahkan Jabatan Pertanian memantau dan menguatkuasakan peraturan berkaitan penggunaan racun bagi memastikan ia tidak menggugat keselamatan manusia.


Timbalan Menteri, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, semua aspek termasuk jenis racun dan kaedah pengendalian bahan itu perlu diberi perhatian sepenuhnya.

"Proses pemantauan atau penguatkuasaan khususnya daripada Jabatan Pertanian akan dilakukan berkaitan isu racun ini. Ia untuk memastikan keselamatan pengguna dan sekiranya ada yang melanggar peraturan tindakan akan diambil.

"Itu termasuk berkaitan racun yang tidak mempunyai lesen yang mana ia akan melibatkan jawatan kuasa khusus di bawahnya untuk memantau perkara ini kerana hanya racun yang selamat akan diberikan lesen," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penggunaan racun tidak berdaftar oleh pekebun selepas menghadiri Majlis Penyerahan Bantuan Geran Usahawan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di pekarangan PPK Mada F-IV Sungai Limau, dekat sini semalam.

Dalam kejadian pada 7 Julai lalu, dua beradik iaitu Muhammad Akil Syauqi Nur Syfyan, 3, dan Muhammad Luth Syauqi, 2, kritikal akibat termanakan jajan mengandungi racun tikus di Kampung Padang Ubi di Labu Besar, Kulim.



JAJAN yang dicampur racun tikus bagi memerangkap monyet merosakkan kebun telah diragut dua nyawa di Kulim pada 7 Julai lalu.



ARTHUR ketika hadir Majlis Penyerahan Bantuan Geran Usahawan MADA di Sungai Limau, Yan semalam.



KERATAN Kosmo! 16 Julai 2024.

Muhammad Akil kemudian menghembuskan nafas terakhir ketika menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi Pediatrik Hospital Pulau Pinang pada Rabu lalu, diikuti adiknya, Muhammad Luth Syauqi dua hari kemudian.

Makanan ringan itu dicampur racun tikus oleh pekebun sebagai perangkap untuk monyet yang sering merosakkan tanaman dan mengganggu ketenteraman serta keselamatan penduduk di situ.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

Ada prosedur daftar racun

Penggunaan racun pertanian sentiasa dipantau untuk keselamatan makanan

Oleh ROSLINDA HASHIM
YAN

Penggunaan racun oleh petani atau peladang sentiasa dipantau oleh Jabatan Pertanian kerana penggunaannya terhadap barangan makanan melibatkan keselamatan pengguna.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, selain pemantauan berkala, pihaknya turut menguatkuasakan kawalan menerusi beberapa peraturan ditetapkan.

Menurutnya, sekiranya disalah guna atau melanggar apa-apa peraturan atau undang-undang berkaitan penggunaan racun pertanian, tindakan boleh diambil terhadap individu terlibat.

“Kita ada prosedur untuk pendaftaran racun. Ia akan melalui prosedur seperti proses kajian keselamatan, kajian dalam makmal dan sebagainya.

“Hanya racun yang diiktiraf sebagai selamat sahaja diberikan sijil dan kelulusan untuk digunakan,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan bantuan geran bernilai lebih RM1.1 juta kepada 61

usahawan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA F-IV Sungai Limau, di sini pada Rabu.

Arthur berkata, keselamatan keterjaminan makanan turut melibatkan keselamatan makanan dan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan makanan itu sentiasa selamat untuk pengguna.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai penggunaan racun tidak berdaftar oleh selintir golongan petani dan pekebun untuk menghalau haiwan perosak.

Baru-baru ini, negara dikejutkan dengan insiden dua beradik berusia dua dan tiga tahun maut setelah termakan makanan riangan yang mengandungi racun tikus dalam kejadian di sebuah kebun di Kampung Padang Ubi, Labu Besar, Kulim.

Selang beberapa hari selepas kejadian tersebut, seorang remaja lelaki berusia 13 tahun nyaris maut selepas termakan biskut dicampur racun di sebuah kebun di Kemaman, Terengganu.



ARTHUR



Laporan Sinar Harian pada 9 Julai lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Teliti bantuan, kaedah peralihan tanam durian bernilai tinggi

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan meneliti bantuan dan kaedah peralihan penanaman durian secara tradisional kepada durian bernilai tinggi.

Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perkara itu akan diperincikan lebih mendalam kerana ia merupakan sumber perniagaan khususnya apabila buah itu kini boleh dieksport ke China dalam bentuk durian segar.

"Kita kena lihat masalah tambah pendapatan (pekebun), kita akan bincang dari sudut dalam bentuk geran atau pinjaman mudah dan sebagainya kita akan bincang betul-betul. Hal durian ini sebab dia tidak sama dengan

beras, daging, ikan, telur dan minyak masak yang merupakan keperluan dan jika tiada, kehidupan terjejas.

"Durian kalau tidak ada tidaklah berapa terjejas, bagaimanapun ia satu perniagaan maka kita tangani sebagai sumber perniagaan, bukan soal se-perti kedudukan beras, telur, ikan dan sebagainya dengan kerajaan memberi subsidi yang banyak dalam hal untuk kekalkan harga setimpal," katanya.

Beliau berkata demikian men-jawab soaln tambahan Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (**PN-Bukit Gantang**) mengenai lang-kah kerajaan membantu pekebun durian dan cadangannya agar kerajaan memberikan peruntukan RM20 juta

pada sesi soal jawab di persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan tambahan Sim Tze Tzin (**PH-Bayan Baru**) berkaitan cadangan mewujudkan Durian Tourism dan penubuhan Lembaga Durian, Mohamad berkata, program Durian Tourism sememangnya sudah ada.

"Pelancong terutama dari China bila turun ke Pulau Pinang mereka akan ke Balik Pulau untuk makan duri-an, begitu juga semalam (Selasa) apa-bila saya berada di Bukit Bintang, saya ke tempat jualan durian besar, semua yang datang kebanyakan pe-lancong China sebab bagi mereka harga tidak menjadi masalah," kata-nya. - *Bernama*

Nation targets 40% aquaculture production by 2030

GEORGE TOWN: Malaysia aims to achieve 40% aquaculture production by 2030 to better balance fishery needs, said Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup.

He said currently, aquaculture accounts for 30% of total production of fisheries, and the country recorded a per capita fish and fishery products consumption of 45kg last year.

"The sector also supports 148,000

fishermen and aquaculture farmers. So, realising the importance of the sector, various efforts to manage and develop the fisheries sector sustainably is a priority of the ministry to ensure long-term prosperity and well-being, Bernama reported.

He said to achieve the target, the ministry is taking several important steps, including provision of appropriate equipment, use of more efficient innovation technology to

ensure the sustainability and efficiency of the fishing industry and improving fisheries-related Acts.

Arthur was speaking after launching the 21st International Institute of Fisheries Economics and Trade Conference here on Tuesday.

He said the fisheries sector is an important part of Malaysia's food security, socio-economic development, economic and trade opportunities as well as cultural and

environmental protection efforts.

He added that last year, the fisheries sector produced approximately 1.79 million metric tonnes of fish, contributing 0.7% to the country's GDP with a trade value of US\$3.51 billion (RM16.4 billion).

"By 2030, we need to produce 2.55 million metric tonnes of fish per year to meet increasing demand. We aim to increase the self-sufficiency rate to 97% by 2030 from the current 90%."

FUNDS FOR DURIAN FARMERS

'PROPOSAL NEEDS FURTHER SCRUTINY'

Durians, unlike essential commodities, do not significantly impact people's lives, says minister

NOR AIN MOHAMED RADHI AND QISTINA SALLEHUDDIN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE proposal to allocate funds for durian farmers to switch from normal-value to high-value durian varieties requires thorough scrutiny, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu. He said that durians, unlike essential commodities like rice, meat, fish, eggs, and cooking oil, did not significantly impact people's lives. "Durian cultivation is a busi-

ness opportunity, distinct from essential goods which receive substantial government subsidies to stabilise prices," he said in response to Bukit Gantang member of parliament Datuk Syed Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal's proposal to allocate RM20 million for this shift.

"However, we will carefully consider Bukit Gantang's proposal as it has the potential to spark a new economic boom for the country."

Meanwhile, in response to an additional question from Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru), Mohamad said that the durian tourism programme was already in operation in the country. "When tourists, especially from China, visit Penang, they often go to Balik Pulau to enjoy durian."

"Yesterday (Tuesday), I visited a large durian vendor in Bukit Bintang, where the majority of customers were Chinese tourists."

"The price is generally not a concern for them," he said.

Regarding Sim's suggestion



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu responding to Bukit Gantang member of parliament Datuk Syed Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal in the Dewan Rakyat yesterday. BERNAMA PIC

for the establishment of a Durian Board, similar to the Malaysian Palm Oil Board, he said it would be discussed at the ministry, as well as with the Economy and Finance ministries.

"Given the recent prediction by *The New York Times* that durian could drive new economic growth for Malaysia, following our agreement with China's General Administration of Customs, we will take the recommendation seriously," he said.

On June 19, the ministry in a statement

said Malaysia could now export fresh durians to China following the signing of a memorandum of understanding (MoU) between the two countries.

Malaysia was given market access to China for durian paste or pulp in 2011, while market access for frozen durians was granted in 2018.

The ministry said the MoU would further encourage the growth of the domestic durian industry and create opportunities for more than 63,000 durian entrepreneurs nationwide.





Dr Azman Ibrahim melepaskan anak benih udang galah, ikan lampam sungai dan ikan baung di Tasik Empangan Jajar Gong Duek.

Sasar lepas 500,000 benih ikan air tawar

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

DUNGUN: Tahun ini kerajaan negeri menyusun 16 program pelepasan anak benih ikan di sungai dan tasik di seluruh Terengganu dengan sasaran lebih 500,000 anak benih ikan air tawar pelbagai spesis.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, program itu diadakan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia di lokasi yang menjadi tumpuan nelayan dan pemancing.

"Ia dilaksana secara berperingkat di semua daerah

dan dijadualkan berakhir pada September depan.

"Setakat ini kira-kira 300,000 anak benih sudah dilepaskan," ujarnya selepas menyempurnakan Majlis Pelepasan Benih Ikan Lampam Ke Sungai Jongok Batu, Hulu Dungun pada Khamis.

Menurutnya juga program pelepasan 15,000 benih ikan lampam itu merupakan salah satu projek kelestarian oleh anak syarikat kerajaan negeri, Golden Pharos Berhad dengan kerjasama Jabatan Perikanan.

Kata beliau program pelepasan benih ikan akan dapat meningkatkan pendaratan hasil perikanan oleh nelayan darat.

"Ia memberi indikator dengan peningkatan hasil pendaratan pada tahun 2023 sebanyak 190 tan metrik berbanding 2022 (163 tan metrik)," ujarnya.

Dr Azman juga berkata, program pelepasan anak benih ikan boleh dikembangkan kepada produk pelancongan berasaskan komuniti dengan mewujudkan santuari ikan.

Kata beliau program itu boleh dilaksanakan dengan menggazetkan kawasan larangan menangkap ikan yang boleh menjadi sumber ekonomi kepada penduduk setempat.

Katanya usaha tersebut telah dilaksanakan di Lata Ulu Kasar, Setiu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9


Nelayan asing bermaharajalela di perairan Pantai Timur

KUALA TERENGANU: Bot nelayan asing dari Vietnam, Thailand dan Indonesia semakin bermaharajalela apabila dikesan menceroboh perairan negara sehingga kawasan pelantar minyak dan kawasan pulau mempunyai terumbu karang yang menjadi habitat ikan.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pemangku Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Laksamana Madya Maritim Datuk Saiful Lizan Ibrahim berkata, pencerobohan nelayan asing itu di perairan Pantai Timur berleluasa apabila sumber perikanan di Teluk Siam, Thailand di Laut China Selatan telah kehabisan sumber laut akibat eksploitasi yang berlebihan sebelum ini.

Akibat pencerobohan itu juga, katanya, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan seramai 918 kru dan 104 bot nelayan asing kerana melakukan kesalahan menangkap hasil laut di perairan Pantai Timur sejak tahun 2022 hingga 31 Mei 2024 lalu.

“Mengikut pecahan jumlah kru nelayan asing yang ditahan dalam tempoh tersebut ialah 436



SALAH sebuah bot nelayan asing yang ditahan setelah dikesan menangkap hasil laut di perairan Terengganu, baru-baru ini.

(Terengganu), 429 (Kelantan) dan 53 (Pahang) manakala jumlah bot pula 45 (Terengganu), 53 (Kelantan) dan enam (Pahang).

“Jumlah keseluruhan nilai rampasan bot nelayan asing itu dalam tempoh tersebut pula dianggarkan RM150.5 juta,” katanya ketika dihubungi semalam.

Utusan Malaysia semalam me-

laporkan pencerobohan nelayan asing mengakibatkan Malaysia menanggung kerugian sehingga RM823.88 juta selepas hasil laut negara dicuri oleh golongan terabit sepanjang tahun 2020 hingga 2023.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussain dilaporkan berkata,

jumlah itu merangkumi 428 kes pencerobohan kapal nelayan asing yang dikesan menjarah hasil laut di perairan negara sepanjang tahun 2020 sehingga 2023.

Selain itu, Saiful Lizan memberitahu, antara tindakan yang diambil APMM untuk membanteras pencerobohan nelayan asing itu adalah melalui operasi bersepadu

dikenali Op Naga Barat melibatkan pelbagai agensi termasuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perikanan.

Menurutnya, selain itu, operasi berjadual seperti Op Damai di perairan Kelantan, Op Iman (Terengganu) dan Op Makmur (Pahang) juga ditingkatkan.

“Antara modus operasi nelayan asing itu seperti bermain ‘hide & seek’ yang bertindak lari di sempadan apabila mengesan kehadiran kapal Maritim Malaysia menjadikan usaha menangkap mereka menjadi lebih sukar, ditambah lagi dengan penggunaan radar dan radio yang berkualiti tinggi,” ujarnya.

Beliau berkata, lebih membimbangkan, nelayan asing Vietnam menggunakan pukat tunda ganding yang boleh mengancam ekosistem perikanan negara.

Katanya, ini kerana pukat tersebut kebiasaannya melibatkan radius satu kilometer serta turut menangkap ikan laut yang belum matang apabila menggunakan mata pukat di bahagian kerongcong bersaiz kurang daripada 38 milimeter.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

EAIC siasat Jabatan Perikanan

Oleh MAISARAH SHEIKH
RAHIM, MASZUREEN
HADZMAN dan MOHAMAD
HAFIZ YUSOFF BAKRI
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) sedang menyiasat Jabatan Perikanan (DOF) selepas terdapat peningkatan aduan oleh pihak-pihak berkaitan terhadap jabatan berkenaan.

Kurang pemantauan, tidak ikut SOP antara punca ketirisan hasil laut

Antara aduan adalah penguat kuasa tidak memantau penceroboh yang memasuki

zon bot nelayan atau memasuki zon berbeza dan tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) antara punca berlaku ketirisan hasil laut.

Susulan itu, sebuah jawatan kuasa kajian ditubuhkan sejak April tahun lalu di bawah Kajian Berkaitan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia Dalam Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985

(Akta 1985) Di Perairan Negara. DOF adalah antara 20 agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC yang bertanggungjawab memantau dan menjalankan siasatan terhadap aduan orang ramai berhubung salah laku penguat kuasa serta agensi penguatkuasaan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700).

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

EAIC siasat Jabatan Perikanan

Dari muka 1

Pengerusi EAIC, Tan Sri Dr. Ismail Bakar berkata, ketika ini, pihaknya dalam peringkat untuk melihat cadangan dan penambahbaikan yang perlu diambil agensi tersebut bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dilakukan mengikut peraturan agar ketirisan hasil laut tidak berulang.

Katanya, sejak 2011 hingga Julai lalu, aduan terhadap DOF menunjukkan peningkatan daripada keseluruhan aduan yang diterima melibatkan 20 agensi itu iaitu sebanyak 7,555 kes.

Jumlah itu meliputi 6,559 aduan terhadap agensi-agensi penguatkuasaan seliaan dan 996 aduan terhadap lain-lain agensi yang bukan di bawah seliaan EAIC.

"Aduan terhadap DOF meningkat selepas kita banyak melaksanakan pertemuan dengan pihak nelayan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan. EAIC juga boleh menyiasat dakwaan yang dibuat melalui media sosial termasuk laporan akhbar.

"Jadi, kita akan ambil keterangan daripada DOF, apa cadangan penambahbaikan supaya tidak berlaku lagi perkara ketirisan ini. Kalau berlaku lagi maknanya ada kesalahan.

"EAIC sedang menyiapkan kajian ini. Jadi, dengan laporan yang diterbitkan dalam *Utusan Malaysia* ini juga selari dengan siasatan yang sudah dijalankan, tetapi kita akan sahkan dan dimasukkan dalam laporan kajian itu," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di pejabatnya di sini semalam.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, pencerobohan nelayan asing mengakibatkan Malaysia menanggung kerugian sehingga RM823.88 juta selepas hasil laut negara dicuri oleh golongan terbabit sepanjang 2020 hingga 2023.

Lebih malang, berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Perikanan Kampung Aceh dan Laporan Sea Around Us, hanya 50 peratus hasil laut negara mendarat di



ISMAIL BAKAR

Malaysia manakala selebihnya dicuri oleh nelayan asing ke negara masing-masing.

Berdasarkan rekod DOF, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Marin, sebanyak RM225.22 juta kerugian dicatatkan berlaku pada tahun 2020, RM238.69 juta (2021), RM200.19 juta (2022) dan RM159.77 juta (2023).

Menurut Ismail, antara skop kajian yang dijalankan pihaknya itu ialah pencerobohan bot-bot nelayan negara asing di perairan negara; pencerobohan bot nelayan bagi kategori Zon B (kawasan 5 hingga 12 batu nautika dari pesisir pantai) ke Zon A (kawasan kurang dari 5 batu nautika dari pesisir pantai).

Ini termasuk Zon C2 (kawasan 30 batu nautika dari pesisir pantai sehingga sempadan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE)) / Zon C (kawasan 12 hingga 30 batu nautika dari pesisir pantai) ke Zon B (kawasan 5 hingga 12 batu nautika dari pesisir pantai).

Selain itu ialah kajian berhubung penggunaan peralatan menangkap hasil laut yang tidak mematuhi undang-undang; dan pencerobohan tapak pembenihan kerang semula jadi.

Kegiatan-kegiatan pencerobohan itu boleh memberikan implikasi kepada ketirisan hasil laut

negara sehingga menyebabkan kerugian jutaan ringgit.

Ismail berkata, antara penemuan daripada siasatan dijalankan pihaknya itu ialah kurang pemantauan dan tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) daripada pasukan penguatkuasaan agensi itu antara punca berlaku ketirisan hasil laut.


Berdasarkan aduan yang diterima, katanya, penguat kuasa tidak memantau penceroboh yang memasuki zon bot nelayan atau memasuki zon berbeza.

Katanya, apabila nelayan mengadukan masalah itu kepada DOF, agensi itu dikatakan tidak mengambil apa-apa tindakan seolah-olah memejamkan mata terhadap jenayah berkenaan.

"Kita masih ada siasatan penuh terhadap DOF antaranya nelayan mendakwa berlaku pindah milik bot tanpa ikut SOP dan sebagainya yang mana orang jabatan itu sendiri terlibat dalam pemindahan milik, menukar zon, membuat ubah suai permohonan bot nelayan dan seumpamanya," katanya.

Beliau berkata, EAIC akan memperhalusi lagi sebelum pihak jawatankuasa kajian mengeluarkan syor-syor menerusi laporan kajian itu kepada DOF untuk mengambil tindakan sewajarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	HARIAN METRO	BISNES	23



KEMPEN MEGA MILLION

Agrobank catat peningkatan pelanggan

Kuala Lumpur: Agrobank merekodkan peningkatan positif bagi produk yang ditawarkan menerusi kempen Mega Million sejak Oktober 2023 sehingga Mac 2024, termasuk mencapai pembiayaan peribadi sebanyak RM951 juta.

Ketua Pegawai Operasi Zahid Ahmad Zawawi berkata produk takaful menunjukkan peningkatan

pelanggan sebanyak 115 peratus manakala penulisan wasiat juga meningkat melebihi 115 peratus.

"Menerusi kempen ini, kami menyasarkan deposit pelanggan meningkat kepada RM200 juta, melalui penawaran produk Agrobank antaranya AgroPri-mas, AgroPerdana-i PLUS, AgroCash-i, Hartani-i," katanya pada majlis penye-

rahan hadiah kempen Mega Million pusingan dua di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan pembiayaan bank itu bagi separuh pertama tahun semasa adalah lebih baik berbanding tempoh yang sama tahun lepas, sekali gus menjangkakan pertumbuhan lebih baik bagi keseluruhan tahun ini.

Antara produk yang me-

macu prestasi itu ialah pembiayaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta mikro.

"Pada tahun ini, Agrobank menerima banyak dana daripada kerajaan terutama dana MADANI, dan itu merupakan antara usaha Agrobank bagi memastikan kesinambungan kempen daripada pihak kerajaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Durian Kampung Gajah wangi, digemari ramai

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@medianulla.com.my

PASIR SALAK: Durian Kampung Gajah di sini bukan sahaja tidak kalah dari segi keenakannya malah menjadi pilihan penggemar raja buah itu kerana baunya lebih wangi berbanding durian jenis lain.

Seorang pemilik dusun durian di sini, Ismail Ibrahim, 65, berkata, itu antara keistimewaan buah durian Kampung Gajah selain mempunyai bau yang lebih kuat dan keenakannya sudah diakui ramai.

Katanya, rata-rata durian di Kampung Gajah adalah durian kampung seperti durian kunyit, durian tupai, durian gantang dan ada pokok yang berusia hampir 100 tahun.

"Kampung Gajah sememangnya dikenali sebagai antara kawasan penanaman durian kampung yang dikenali ramai. Setiap kali musim durian, kawasan ini didatangi penggemar raja buah itu yang mahu merasai keenakan durian kampung.

"Keistimewaan durian Kampung Gajah ialah baunya lebih wangi jika nak dibandingkan durian di kawasan lain, mungkin disebabkan tanah di sini sesuai untuk tanaman durian.

"Malah ada yang kata durian bukit tidak sewangi durian

Kampung Gajah yang ditanam di tanah pamah," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di kebunnya, di sini semalam.

Ismail bersyukur kerana musim durian kali ini memberi pendapatan yang lebih kepadanya apabila mampu mengutip sehingga 200 kilogram durian sehari.

Menurutnya, setiap pagi dia mengutip kira-kira tujuh bakul durian manakala sebelah petang pula sekitar empat bakul, yang kebanyakannya dijual kepada peraih sekitar RM6 sekilo.

"Pada musim durian kali ini, Kampung Gajah menjadi tumpuan penggemar raja buah ini datang ke Kampung Gajah antaranya dari Selangor, Ipoh dan paling jauh dari Kedah," katanya yang mewarisi dusun durian seluas hampir empat ekar daripada arwah neneknya.

"Di sini terdapat kira-kira 60 pokok durian kampung dan tahun ini pokok berbuah lebat.

"Pelanggan yang datang ke dusun ini bukan sahaja dapat makan buah segar, juga dapat merasai pengalaman mengutip durian yang luruh di dusun ini.

"Pengalaman sebegini bukan selalu dapat dirasai dan kami sebagai pemilik dusun gembira kerana dapat merasai suasana musim durian seperti sebelum ini," katanya.



ISMAIL Ibrahim menunjukkan buah durian yang dikutip di dusunnya di Kampung Gajah, Pasir Salak, semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Perak mahu durian kampung tergolong kategori premium

TAIPING: Perak mahu menjenamakan semula durian kampung untuk memastikan durian jenis itu turut tergolong dalam kategori premium.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perdagangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, langkah itu dapat mencipta satu nilai tambah kepada durian kampung sekali gus meningkatkan pulangan kepada pekebun.

"Kita nak jenamakan semula durian kampung ini supaya ada nilai tambah. Maknanya jadi durian kampung premium. Harga nanti juga akan meningkat bermula daripada RM15 sekilogram (KG) ke atas. Ini memberi pendapatan yang lebih kepada pengusaha durian ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* semasa menghadiri dan merasmikan Pesta Durian Larut Matang dan Selama (LMS) dan Hari Ladang LMS 2024 di sini baru-baru ini.



MOHD. Zolkafly Harun (tengah) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan buah-buahan durian kampung pada Pesta Durian Larut Matang dan Selama (LMS) dan Hari Ladang LMS 2024 di Taiping, baru-baru ini. - UTUSAN/FADZIL ZAINOL

Semasa berucap dalam majlis, Mohd. Zolkafly berkata, beliau menyokong usaha Jabatan

Pertanian bagi mempertingkatkan kualiti dan kaedah pemasaran durian kampung melibatkan

para penanam.

Jelasnya, Jabatan Pertanian termasuk agensi berkaitan di Perak sentiasa mengkaji untuk menghasilkan klon-klon terbaik daripada baka durian kampung agar setanding dengan durian kategori premium lain.

"Selama ini kita fokuskan kepada Duri Hitam, Musang King, IOI dan sebagainya. Sebenarnya pada saya, durian kampung terutama durian di Batu Kurau (Perak) memang terkenal sejak puluhan tahun. Ia cukup terkenal dari segi cita rasa. Durian jenis ini harap dapat didaftarkan," katanya.

Beliau juga bersetuju agar para pekebun tidak menebang pokok-pokok jenis baka terdahulu kerana mempunyai potensi bernilai tinggi.

Berdasarkan harga pasaran, durian kampung dianggap kategori termurah dengan harga dari RM6 sehingga RM15 sekilo manakala durian Musang King dan Duri Hitam berharga sekitar RM50 ke atas sekilo.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2024	THE STAR	MUKA DEPAN	1



JOHOR

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

DURIAN is living up to its name as the King of Fruits by contributing over RM81mil in export value to Johor's economy in the last two years.

State agriculture, agro-based industry and rural committee chairman Datuk Zahari Sarip said fruit yield in 2024 was expected to increase slightly compared to last year despite unfavourable weather conditions.

He said durian crop production in 2022 were 138,945.51 tonnes and 119,309.60 tonnes in 2023.

The Buloh Kasap assemblyman said the durian season occurred thrice a year.

"Durian season is from January to February, June until September and November to December. The second season started at the end of June and so far, the yield is 20,284 tonnes in Johor."

He said durian cultivation took up 15,804.91ha with the Tangkak district holding the title as biggest producer in Johor in 2023.

Musang King tops list

Zahari said the state government had identified the Musang King variety for the export market.

He said the selling price for grade-A Musang King for export varied, with the maximum price of RM75 per kg could be expected at the beginning and end of the durian season.

"The minimum selling price, during peak season is between RM23 and RM25 per kg while the average price is between RM36 and RM38 per kg during mid-season," he said.

"Among the countries importing durian from Johor are China, Australia, Indonesia, New Zealand, the US, Canada, Taiwan, Hong Kong, Italy and Saudi Arabia," said Zahari.

"The export value for durian in 2022 was RM41.1mil and

Tangkak durian hub to be upgraded

Johor to enhance productivity of collection and processing centre for export purposes



This stall at Taman Sutera in Johor Baru is busy catering to durian lovers.

more than RM40.3mil last year (see graphics)."

He said that up to July, 464,794kg of durian had been exported, thus contributing more than RM26.3mil to Johor's economy.

"Based on previous records, demand for durian grown in Malaysia has seen an increase of 9.5% between 2020 and 2022. The state is expecting this trend to continue," he added.

Zahari said among durian products sold in the market

were fresh durian, frozen whole fruit, freeze-dried durian, chilled pulp and frozen pulp and paste.

Maintaining top spot

Johor Agriculture Department aims to maintain the state's position as the country's top durian producer, he said.

"Johor Agriculture Department is carrying out various initiatives to strengthen the state's durian industry in bringing high economic value to

the state and country.

"Among the initiatives are providing agricultural improvements for mechanisation and small equipment, upgrading farm infrastructure towards smart agriculture and enhancing facilities and technology of fruit collection and processing centres," he said.

"This is to ensure that the quantity and quality of Johor durians is maintained in line with market requirements,

MALAYSIAN farmers' method of harvesting durians by allowing them to drop instead of cutting fruits from branches is proving to be good for business.

Farmer Han Sing Keng from Kulai, Johor, said local growers waited for durians to drop whereas in neighbouring Thailand and Vietnam, they were harvested from the tree.

"In Malaysia, we wait for ripe durians to drop but in the other countries, the fruit is cut from the branches when almost ripe, as the majority are for export.

"When a ripened fruit drops, the odour is strong and its flesh is creamy and tasty," said Han. Durians, he said, were best eaten within 48 hours of them dropping.

"The only way to choose a good durian is to pick it up, bring it close to your nose and smell it. If there is a strong aroma, then it is really good," he added.

Han, who has been running his family fruit orchard at Kelapa Sawit in Kulai for the past 16 years, is extremely busy during the durian season.

His 8.09ha farm land has many varieties, with an average production of 100 tonnes of fruit during the durian season.

Malaysia's harvesting method luring customers near and far



Han says rainy weather is affecting fruit yield at his durian farm.

"However, unpredictable weather has affected yield causing it to drop by 50%.

"Durian trees bear good fruits during a long hot spell. They tend to spoil if there is continuous rain," he added.

Han, 46, said even though there was a drop in numbers, his durians were of quality and sellable.



Yee (left) being served a durian by orchard worker Liew Tor Choong at a fruit farm in Kulai, Johor.

Most of his customers, according to him, are from Singapore, China, Russia, US, Argentina and Spain.

"I have become close friends with some of them, especially a

Spanish customer who tasted durian for the first time in Malaysia last year.

"He initially did not like the taste or smell but I let him try fresh durian that had just fallen



A worker wheeling out the collected durians on a farm in Kulai, Johor.

especially for export," he added. Zahari said Johor government channelled more than RM1.7mil last year to increase productivity at durian farms.

This amount was used to help 250 agricultural businesses over a 486.2ha area, he said.

According to him, RM1.4mil had been allocated this year to beef up productivity on 367.4ha involving 142 entrepreneurs.

Besides this, Johor Federal Agricultural Marketing Authority's (Fama) durian collection and processing centre in Tangkak, which is currently operating on a small scale, would be improved, he said.

"The state government intends to upgrade Fama's durian collection and processing centre.

"It will be a collection and processing centre for durian produced around Tangkak, Muar and Segamat," he added.

Zahari said the state government had applied to the Agriculture and Food Security Ministry to upgrade the Tangkak centre.

He said the ministry approved a RM2mil allocation for the project which would be carried out through strategic



Zahari: Demand for Malaysian durian has grown by 9.5% between 2020 and 2022.

partnership with a private enterprise.

"So far, one company has agreed in principle to carry out the project that involves upgrading the building, nitrogen system supply, supplying operational equipment and other work-related processes to enhance the centre," he elaborated.

The effort to upgrade the Tangkak processing centre will help increase productivity of processed fresh fruits such as frozen durians, he noted.

"This way, we can increase



Noorazam: MBBJ has identified 51 areas for traders to sell seasonal fruits.

export production of frozen durian and help farmers and entrepreneurs sell their durian," he added.


Keep stalls clean

Meanwhile, fruit stall operators are reminded to keep their trade areas clean.

Johor Baru mayor Mohd Noorazam Osman reminded licensed fruit traders to maintain cleanliness at all times. "Each trader must ensure that the business area is always clean and that rubbish,



Export value for Johor durians



including durian shells and seeds, must be disposed of properly," he said.

Noorazam said those selling seasonal fruits, like durian, were required to have a licence from MBBJ.

"As of June 26, Johor Baru City Council (MBJB) received 35 applications for seasonal fruit licences and 29 were approved," he said.

The mayor said MBBJ had identified 51 locations in its jurisdiction for traders selling seasonal fruits.

He said these locations included road reserve areas, paid or non-paid parking spaces, and private land.

"If there are any complaints about traders causing nuisance, MBBJ will carry out a location suitability study and find an alternative site if the complaint is valid," Noorazam added.

from the tree and he loved it," he said, adding that the customer would now call him for fruits during the durian season.

Singaporean Janet Yee, 67, and her family travel across the Causeway to visit Han's farm during the durian season.

"I love eating durian at the farm as the fruit is really fresh. Although we get Malaysian durian in Singapore, it is not the same in terms of taste and the environment.

"So whenever it is durian season, we drive up to Kulai and visit the farm for durians," she said, adding that Musang King is her favourite because of its fragrance and not overly sweet taste.

Durian seller Walter Chew, 42, who has been operating his durian stall near Taman Sutera in Johor Baru for 14 years now, said the majority of his customers were locals and Singaporeans besides Chinese tourists.

"Most of my Malaysian customers live overseas in places like Australia, the US and Europe. Whenever it is durian season, they come home.

"It is the smell of durian that makes them come back. There is no greater feeling than savour-



Chew (left) with his worker arranging durians at his stall in Taman Sutera in Johor Baru. — THOMAS YONG/The Star

ing durian with family and friends in a farm or at home," he said.

Chew also said that bad weather had affected fruit yield from older orchards but this time

around, he could depend on younger trees.

He said relying on the new orchards for fruits had enabled him to meet customers' demands.

"I have been getting an average of 10 tonnes of durian per day from a farm in Muar. Next month, I am expecting durians from Pahang from a supplier to meet growing demand," he said.